




LAPORAN TAHUNAN **2019**



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Strategy Oriented, Productivity, Accountability, Neutrality, Speed



kandungan laporan tahunan

- | | |
|---------------------------------|----------------------------------|
| 2 Perutusan Pengerusi | 15 Prestasi Kewangan 2019 |
| 4 Ringkasan Eksekutif | 17 Fungsi-Fungsi Utama |
| 5 Keanggotaan SPANS | 16 Pengambilan |
| 7 Sejarah SPANS | 19 Kenaikan Pangkat |
| 8 Mantan Pengerusi SPANS | 21 Perkhidmatan |
| 9 Visi dan Misi SPANS | 23 Tatatertib |
| 10 Fungsi-Fungsi SPANS | 24 BPKNS |
| 11 Pewakilan Kuasa | 27 Lensa |
| 12 Senarai Undang-Undang | |



perutusan pengerusi 2019

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan untuk tahun 2019, selaras dengan peruntukan Artikel 36 (8) Perlembagaan Negeri Sarawak. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan YAB Ketua Menteri Sarawak kerana memberikan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya sepanjang tahun 2019.

Perubahan politik yang telah berlaku pada tahun 2018 telah memberi impak secara langsung terhadap hubungan dan pentadbiran khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dalam mendepani cabaran dan arus perubahan dinamika politik semasa, penjawat awam hendaklah terus konsisten dan proaktif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di bawah tumpuk pimpinan kerajaan yang sedia ada.

Selaku institusi yang menjadi penjaga kepada Perlembagaan Negeri (*Guardian of the Constitution*) adalah amat penting bagi SPANS mengendalikan peranan yang termaktub secara munasabah, adil dan saksama dalam menyeimbangkan tuntutan politik semasa. Ini bagi memastikan tiada pengasingan kaum/etnik dalam semua keputusan yang diambil yang melibatkan kerjaya penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Negeri. Bagi memastikan pentadbiran kerajaan dan sektor awam dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memenuhi akan kehendak dan ekspektasi rakyat, adalah menjadi kriteria penting dalam memilih individu-individu bagi menjawat jawatan awam dibuat berdasarkan meritokrasi, kelayakan dan mempunyai penghayatan nilai dan integriti yang tinggi.

SPANS akan terus membantu dalam melaksanakan transformasi Perkhidmatan Awam Negeri dengan memperkasakan Perkhidmatan Awam melalui modal insan yang berbakat, komited dan berdisiplin seiring dengan perkembangan ekonomi digital semasa.

Sehubungan itu, jutaan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2019. Ucapan penghargaan juga kepada Timbalan Pengerusi, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia SPANS atas prestasi tinggi yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas masing-masing.

Semoga kerjasama dan komitmen ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.



(Datu Abdul Ghafur bin Shariff)
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

ringkasan eksekutif

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

Laporan Tahunan SPANS ini mengandungi prestasi dan pencapaian fungsi utama SPANS seperti termaktub dalam Artikel 36(1) dan 39(3) Perlembagaan Negeri Sarawak dan perbelanjaan bajet bagi tahun 2019. Selain itu, ianya juga turut memaparkan pencapaian fungsi SPANS yang telah diwakilkan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang telah berkuat kuasa mulai 17 Januari 2004.

Secara ringkasnya sepanjang tahun 2019, sebanyak 839 jawatan kosong dan 409 jawatan kenaikan pangkat telah diisi. Manakala sebanyak 568 pengesahan dalam perkhidmatan, 1118 pengesahan pertukaran pelantikan, 43 perlanjutan tempoh percubaan, 532 pemberian taraf berpencen, 102 pemangkuhan dan 117 penanggungan kerja telah diproses. Bagi kes disipilin sebanyak 30 kes telah diputuskan sepanjang tempoh tersebut dan seramai 350 orang pelajar telah ditawarkan Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak.

Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS)

Menurut Artikel 35(1),
Perlembagaan Negeri Sarawak
(Pindaan 1993), keahlian Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
terdiri daripada seorang **Pengerusi**,
seorang Timbalan Pengerusi dan
tidak kurang daripada empat (4)
atau tidak lebih daripada
sembilan (9) orang ahli.



Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bersama Setiausaha Suruhanjaya (2019)



Duduk (dari kiri):

Datu Jabidah binti Monseri (Ahli), **Datu Romie Sigan Daniel** (Timbalan Pengurus), **Datu Abdul Ghafur Bin Shariff** (Pengurus), **Encik Fathi bin Haji Hambali** (Setiausaha) dan **Dato Hajjah Rabiah binti Johari** (Ahli)

Berdiri (dari kiri):

Encik Liew Jiew Ming (Ahli), **Dr. Peter Songan** (Ahli), **Datu Haji Chaiti bin Bolhassan** (Ahli),
Datu Robert Lian Balangalibun, (Ahli), **Datu Abdillah bin Adam** (Ahli), dan
Encik Chai Moi Fong (Ahli).

Sejarah SPANS

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah ditubuhkan pada 1 November 1961 di bawah *The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council, 1961*. Ia berfungsi untuk menasihati Gabenor selaras dengan *Order in Council* tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963.

Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang Ahli. Manakala, pentadbiran dan urusan harian SPANS dilaksanakan oleh **Urus setia** yang diketuai oleh seorang Setiausaha, **SPANS**.

Sejak penubuhan, seramai sembilan (9) orang Mantan Pengurus telah dilantik sebelum Pengurus yang sedia ada.

mantan pengerusi SPANS

Mr. Richard Leslie Vaughan Wilkes
(1 November 1961 –
4 Mac 1964)



Mr. F.R.K. Kitto
(5 Mac 1964 –
23 Februari 1967)



Dato Sri John Nichol ak. Kassim
(15 Mac 1967 –
14 Mac 1971)



Datuk Amar Dominic A. Dago ak. Randan
(15 Mac 1971 –
Disember 1973)



YABhg. Tun Pehin Sri Abang Haji Muhamad Salahuddin
(Januari 1974 –
1 April 1977)



Datuk Haji Tuah Johari bin Haji Bojeng
(2 April 1977 –
12 September 1983)

Datuk Wan Hashim bin Datuk Tuanku Taha
(1 November 1983 –
31 Oktober 1989)




Tan Sri Datuk Amar Haji Hamdan Sirat
(15 Disember 1989 –
14 Jun 2005)



Datu Haji Hamzah bin Haji Drahman
(1 Julai 2005 –
30 Jun 2011)



visi & misi **SPANS**



visi

Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan
Awam Yang Diteladani

misi

Memperkasakan Perkhidmatan Awam
Negeri Melalui Modal Insan Yang Berbakat,
Komited dan Berdisiplin



fungsi-fungsi **SPANS**



Bermula pada 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya Local Authority Service Regulations 2000, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan jawatan dalam perkhidmatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkusa Tempatan. Manakala kelulusan untuk pemberian taraf berpencen adalah bidang kuasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

SPANS juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak
(Artikel 39 (3), Perlembagaan Negeri Sarawak)

BPKNS

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 1998.

perwakilan kuasa/ penurunan kuasa 2004:

SUK & KETUA JABATAN

Melantik mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing bagi **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan tersebut bertaraf tetap dan berpencen, tetap dan tidak berpencen yang dikenali sebagai Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) semenjak 12 April 2007 (Surat Pekeliling Ruj. 19/EO/2466/Jld.24), atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara.

Menamatkan pelantikan perkhidmatan mana-mana pegawai yang dilantik seperti yang dinyatakan yang **masih di dalam tempoh percubaan**.

Melanjutkan tempoh percubaan pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96)

Melantik dan menamatkan pelantikan memangku atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi **tidak melebihi 180 hari bekerja** kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS.

SUK

Mengesahkan pelantikan mana-mana jawatan pegawai **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak).

Pertukaran tempat bertugas mana-mana penjawat awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.

senarai undang- undang/ peraturan

SPANS sebagai pihak berkuasa melantik ke atas Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai beberapa rujukan utama yang merupakan sumber punca kuasa dalam melaksanakan peranan dan fungsi-fungsi SPANS. Berikut adalah sumber rujukan tersebut.



01 Perlembagaan Malaysia.

02 Perlembagaan Negeri Sarawak.

03 Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.
(SWK. L 14/1996).

04 Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.
(SWK. LN. 1/1996).

05 Local Authorities Service Regulations, 2000.
(SWK. LG. 16/2000).

06 Pekeliling-Pekeliling/Arahan-Arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

URUS SETIA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2019



Berdiri (dari kiri):

Encik Muhammad Hafiz bin Kepli (Penolong Pegawai Tadbir, N29), **Encik Mohamad Azlan bin Haji Madihi** (Pegawai Tadbir, N48), **Encik Fathi bin Haji Hambali** (Setiausaha, N54), **Encik Khairul Ridza bin Haji Wahed** (Pegawai Tadbir, N41), **Encik Amrul bin Haji Yusup** (Penolong Pegawai Tadbir, N29),
dan **Encik Rafi'uddin bin Rasman** (Pegawai Tadbir, N41).


Duduk (dari kiri):

Puan Simbah ak Libu (Penolong Akauntan, W29), **Cik Dayang Normasni binti Abang Julaihi** (Penolong Pegawai Tadbir, N29), **Puan Dayang Maskamala binti Abang Saibi** (Penolong Pegawai Tadbir, N36),
Puan Catherina anak Jackson Blanda (Pegawai Tadbir, N41), **Cik Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman** (Pegawai Tadbir, N44) dan **Cik Julia Ho binti Mohd Jeffri** (Pegawai Tadbir, N41).

prestasi kewangan 2019

Perkara	Peruntukan	Perbelanjaan	Baki Peruntukan	% Perbelanjaan
Emolumen	3,703,946.00	3,320,882.22	383,063.78	89.66
Bekalan & Perkhidmatan	1,657,802.00	1,421,225.04	236,576.96	85.73
Aset	2,000.00	1,424.75	575.25	71.24
Geran & Pembayaran Tetap	5,938,268.00	5,797,294.18	140,973.82	97.63
Jumlah	11,302,016	10,540,826.19	761,189.81	93.27

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan 2019



Aset
1,424.75
2,000.00



0.00 1,000,000.00 2,000,000.00 3,000,000.00 4,000,000.00 5,000,000.00 6,000,000.00 7,000,000.00

FUNGSI-FUNGSI UTAMA SPANS



pengambilan permohonan & temuduga

398k
Permohonan

Permohonan Jawatan Kosong

Sepanjang tahun 2019, sebanyak **398,691** permohonan telah didaftarkan untuk mengisi **839** jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Gred 41

174k

Lelaki

2,304

Gred 29

224k

Perempuan

3,150

Gred 19

56,644

132,043

Gred 11

103,102

64,027

398k

Keseluruhan

5,454

37,421

188,687

167,129

3,860
Calon

Calon Dipanggil Temuduga

Jumlah calon yang berjaya melepassi tapisan dan menghadiri sesi temuduga mengisi jawatan kosong sepanjang tahun **2019** adalah **3,860** orang.

Gred 41

2,623

Lelaki

23

Gred 29

1,237

Perempuan

16

Gred 19

39

Gred 11

225

972

3,860



Keseluruhan

1,351

2,245



pengambilan jumlah jawatan kosong



* Urusan Pengambilan diturun kuasa kepada SUK & Ketua Jabatan.

Pengambilan di bawah Perwakilan Kuasa-Kuasa

Melalui Arahan SPANS (Perwakilan Kuasa), 2004, urusan pengambilan Gred 29 ke atas dikendalikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan.

Bagi tahun 2019, pengisian jawatan tetap bagi gred 29 ke atas hanya melibatkan 86 jawatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Tadbir (Pentadbiran dan Sokongan) dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Sosial). Tiada sebarang pengisian jawatan tetap bagi lain-lain skim perkhidmatan khususnya melibatkan skim perkhidmatan teknikal.


BIL	JAWATAN/GRED	JUMLAH
1.	PEGAWAI TADBIR, GRED N41	59
2.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29	25
3.	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM, GRED S29	2
JUMLAH KESELURUHAN		86

kenaikan pangkat



Kenaikan Pangkat Secara Hakiki

Bagi tempoh bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, seramai 701 orang calon telah dipanggil untuk sesi temuduga. Daripada jumlah tersebut seramai 409 kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat oleh Suruhanjaya.



Analisa Kumpulan Pelaksana

Terdapat penambahan dalam pengisian jawatan kosong kenaikan pangkat bagi kumpulan Pelaksana pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 disebabkan faktor-faktor seperti berikut:-

- Pegawai bersara wajib,
- Pengwujudan jawatan baharu dan;
- Pegawai telah memenuhi syarat kenaikan pangkat

Analisa Kumpulan Pengurusan dan Profesional


Terdapat pengurangan jumlah dalam pengisian jawatan kosong kenaikan pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 disebabkan kebanyakan pegawai di gred 44 dan ke atas telah dinaikkan pangkat pada tahun 2018 dan belum memenuhi syarat untuk kenaikan pangkat seterusnya.

kenaikan pangkat



Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

Bagi urusan kenaikan pangkat secara TBK, seramai 164 orang kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat untuk tempoh bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019.



perkhidmatan



355* orang

Diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengikut
Arahan Sunuharjaya (Perwakilan Kuesa 1 2004)

568

Pengesahan dalam Perkhidmatan

Suruhanjaya meluluskan perlesen pengesahan dalam perkhidmatan, setelah diperlakukan mengikut Kaedah 18 (3) & (3) Kawalan – Kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak serta mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah – Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

451
PANS
Gred 11

117
PBT
Gred 11

117
Gred 19

128+
Gred 29

71* +**1**
Gred 41 - 52

15
Gred 41

1118

Pengesahan Pertukaran Pelantikan

976
PANS
Gred 11

142
PBT
Gred 11

127
Gred 19

25+ 156*
Gred 29

0
Gred 41

43

Perlanjutan Tempoh Percubaan

Perlanjutan tempoh percubaan bagi kelayangan PANS dan PBT menurut ketetapan Suruhanjaya Perkhidmatan mengikut Kaedah 28(1), (2) & (3) Kawalan – Kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah – perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

27
PANS
Gred 11

16
PBT
Gred 11

4
Gred 19

23
Gred 29

0
Gred 41

1
Gred 29

0
Gred 41

532

Pemberian Taraf Berpencen

Pemberian taraf berpencen bagi kelayangan PANS yang memenuhi syarat pencen adalah mengikut Akta Perintah 1980 (Akta 227) dan Perintah Am 38 (2) dalam Perintah – perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

139
Gred 11

108
Gred 19

121
Gred 29

164
Gred 41

*Data ini tidak termasuk kelayangan Pihak Berkewasa Tempatan (PBT) kerana ketulusan pemberian taraf berpencen menurut Akta Pencen 2000 – PBT (Akta 209) adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

PANS : Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.
PBT : Pihak Berkewasa Tempatan

perkhidmatan

sambungan



Pemangku dan Penanggungan Kerja

Pelantikan memangku dan menanggung kerja yang diluluskan SPANS adalah untuk tempoh melebihi 180 hari sahaja. Bagi tempoh kurang 180 hari, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa ketua jabatan.



tatatertib




Sepanjang tahun 2019 Suruhanjaya telah memutuskan sebanyak 30 kes tatatertib, iaitu 26 kes dari PANS dan 4 kes dari PBT. Kes tatatertib ini diputuskan mengikut Kaedah 39, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996 (KKSPA), dan Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, 2000.

PANS : Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

PBT : Pihak Berkuasa Tempatan

Bilangan kes




BIL.	KESALAHAN	HUKUMAN TATATERIB	KUMPULAN P&P	KUMPULAN PELAKSANA	JUMLAH
PANS	Ponteng Kerja	Buang Kerja	-	13	13
		(i) Cela	-	2	2
		(ii) Lucut hak emolumen	-	2	2
		(i) Cela	-	1	1
	Cuai	(ii) Lucut hak emolumen	-	1	1
		(iii) Turun Gaji/Tangguh Pergerakan Gaji	-	1	1
	Bankrap	(i) Cela	-	1	1
		(ii) Tangguh Pergerakan Gaji - 12 bulan	-	1	1
	Dadah	Buang Kerja	-	1	1
	Jenayah	(i) Cela	-	1	1
		(ii) Turun gaji - 12 bulan	-	2	2
	Tidak Jujur	Buang Kerja	-	1	1
		(i) Cela	-	1	1
		(ii) Turun gaji - 12 bulan	-	1	1
PBT	Ponteng Kerja	Buang Kerja	-	4	4
JUMLAH:			30	30	



basiswa pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS)

BPKNS merupakan skim bantuan kewangan kepada pelajar Sarawak peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui sistem e-Scholarship.

* Pinjaman Pendidikan tertakluk dengan syarat-syarat pembiayaan BPKNS



350


Pelajar baru
yang berjaya
menerima
BPKNS bagi
tahun 2019



Permohonan 2019 : **1,354**

Daripada jumlah tersebut seramai 700 calon penerima BPKNS telah telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga

PELAJAR BARU PENERIMA BPKNS MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN



Peruntukan:
RM6,167,068.00

Perbelanjaan:
RM5,993,715.95

Bidang Pengajian Pelajar Baru Penerima BPKNS Sesi 2019

Bil.	Bidang Pengajian	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Jumlah	Peratusan
1.	Ekonomi dan Perniagaan	7	36	43	12.29
2.	Kejuruteraan	22	34	56	16
3.	Pengurusan	18	21	39	11.14
4.	Sains	3	44	47	13.43
5.	Undang-Undang	0	2	2	0.57
6.	Sains Sosial & Kemanusiaan	1	42	43	12.29
7.	Seni Bina/Seni Lukis	2	12	14	4
8.	Ukur Bahan /Bangunan	4	6	10	2.86
9.	Kewangan & Perakuanan	7	18	25	7.14
10.	Sains Komputer & Teknologi Maklumat	8	10	18	5.14
11.	Rekabentuk	3	4	7	2
12.	Sastera	0	7	7	2
13.	Lain-Lain	13	26	39	11.14
JUMLAH		88	262	350	100

bayaran balik biasiswa pinjaman

AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Setakat 31 Disember 2019, jumlah bayaran balik yang masih tertunggak adalah seperti maklumat berikut :-

Bil.	Tempoh ABT	Jumlah (RM)	Tindakan Susulan
1.	Hingga satu tahun	20,023.50	
2.	Lebih dari satu tahun hingga dua tahun	71,251.78	
3.	Lebih dari dua tahun hingga tiga tahun	195,376.40	
4.	Lebih dari tiga tahun	1,357,199.44	
	JUMLAH	1,643,851.12	Bagi mengurangkan ABT ini, Urus Setia BPKNS telah merancang dan bertindak secara berterusan menghubungi bekas pelajar tajaan menerusi telefon dan menghantar surat peringatan membayar serta notifikasi secara automatik menerusi e-mail dan SMS dalam sistem e-Scholarship pada setiap 28hb.

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Bayaran balik pinjaman yang ditetapkan kepada setiap pelajar adalah 25% daripada jumlah tajaan. Sehingga 31 Disember 2019, sejumlah RM 786,698.48 telah berjaya dikutip. Mod kutipan diterima adalah seperti berikut:-

Jenis Hasil Kutipan	Mod Terimaan				
	Kaunter (RM)	Online (RM)	Manual (RM)	Electronic Fund Transfer (RM)	Jumlah (RM)
BPKNS (85300)	258,899.35	444,410.78	26,792.50	56,595.85	786,698.48
*Sarawak Government Student Loan (85200)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	258,899.35	444,410.78	26,792.50	56,595.85	786,698.48



LENSA 2019

Majlis Angkat Sumpah Ahli-Ahli Suruhanjaya



2 Mei

1 Jul

1 Ogos

4 Nov

28 Jan 2019

Kunjungan Hormat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia



Lawatan Kerja dan Kunjungan Hormat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia - 28 Januari 2019

Seramai 20 orang rombongan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia yang diketuai oleh Tan Sri Zainal Abidin, Pengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan Lawatan Kerja dan Kunjungan Hormat ke atas Pengurus, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada 28 Januari 2019 bertempat di Dewan Undangan Negeri (DUN). Semasa sesi tersebut, rombongan SPA Malaysia, telah diberikan taklimat oleh YBhg Datu Sabariah binti Putit, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan) berkenaan Transformasi Perkhidmatan Awam SCS 10-20, Negeri Sarawak.

Jan 2019

Majlis Penghargaan - Amalan Nilai Baik Hati dan Prihatin



Majlis Penghargaan untuk Tuan Haji Sebi bin Haji Abang yang telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Residen, Limbang dan Puan Hadzlina binti Drahim yang bersara secara pra masa.



14-15 Feb 2019

Pejabat SPANS

Bengkel Latihan Efektif Juru Audit Dalam dan *Live Audit ISO 9001:2015*



22 Feb 2019
Damai Beach Resort

SPANS Retreat 2019



23-24 Feb 2019
Damai Beach Resort

SPANS Team Building 2019



Sambutan CNY 2019

26 Feb 2019

Pejabat SPANS, Tingkat 10



20 Mac 2018
Stadium Sarawak

Ujian Fizikal dan Saringan Air Kencing



Selain Ujian Fizikal, Ujian Saringan Air Kencing juga telah dikendalikan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Ini merupakan usaha terbaharu SPANS dalam meningkatkan kualiti sumber manusia yang akan berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan.

28 Mac 2019

Kunjungan Hormat ke SPA, Malaysia



8 April 2019
27 April 2019

Penghargaan dan Pengiktirafan



Dalam usaha SPANS memupuk nilai *kind & caring* dan mewujudkan suasana keharmonian di kalangan warga kerja, beberapa aktiviti telah diadakan melalui Kelab Sukan dan Rekreasi SPANS seperti berikut:

1. Sambutan hari lahir;
2. Sambutan kelahiran anak pertama;
3. Penghargaan kepada anak warga kerja yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan;
4. Pengagihan biskut sempena sambutan Gawai dan Hari Raya Aidilfitri.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018



Tahniah kepada Puan Dayang Maskamala, Encik Muhammad Akmal dan Encik Abdul Halim yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018.

16 Mei 2019


Kunjungan Hormat ke atas TYT Negeri Sarawak



Kunjungan hormat Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya ke atas Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak yang diketuai oleh YBhg Datu Abdul Ghafur bin Shariff.

30 Mei 2019

Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri



Kunjungan hormat Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya ke atas YAB Ketua Menteri yang diketuai oleh YBhg Datu Abdul Ghafur bin Shariff

Sekitar kunjungan YBhg. Datu Pengerusi dan Setiausaha SPANS ke Rumah Terbuka TYT Negeri Sarawak dan YAB Ketua Menteri pada sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019 – (Gambar 1, 2 dan 3)



Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Gawai SPANS
-24 Jun 2019 (Gambar 4 & 5)



23 - 25 Julai 2019

Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Rasmi ke SPA Negeri Pahang

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang diketuai oleh Pengurus SPANS telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang pada 23-25 Julai 2019. Semasa program tersebut, rombongan SPANS telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik antaranya Muzium Sungai Lembing, Kompleks Pengembangan Tenun Di Raja Sultan Haji Ahmad Shah Kampung Soi Kuantan, Lombong Bijih Timah Bawah Tanah, Sungai Lembing dan Pantai Teluk Cempedak. Selain itu, pihak SPA Negeri Pahang juga telah menganjurkan Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.



Sesi pembentangan **Anugerah Ketua Menteri Sarawak (AKMS) 2019**

2 Julai 2019



Sesi pembentangan **Anugerah Pengurusan Pelanggan (APP) 2019**

4 Julai 2019



22 Ogos 2019

Ikrar Integriti oleh warga kerja SPANS



22 Ogos 2019



Bagi memastikan warga kerja SPANS bebas dadah, saringan air kencing buat julung kalinya telah dilaksanakan di kalangan warga kerja pada 22 Ogos 2019 yang diketuai oleh Setiausaha SPANS.

Program Lan Berambeh 2019 bertempat di MITEC, Kuala Lumpur

29 Oktober 2019



Pada tahun ini, SPANS telah menyertai Program Lan Berambeh 2019 yang telah diadakan di MITEC, Kuala Lumpur. Seramai lebih kurang 700 orang pengunjung telah mengunjungi booth pameran SPANS yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Dalam pada itu beberapa orang kenamaan termasuk Menteri di peringkat negeri, Yang Berhormat ADUN/Parlimen dan Ketua Jabatan telah melawat booth SPANS.



24 Oktober 2019

Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja SPA Perak ke Negeri Sarawak



14 November 2019

Hari Bersama Pelanggan SPANS 2019



Pada tahun ini, SPANS sekali lagi untuk tahun yang kedua telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bertempat di Tingkat 10, Wisma Satok. Seramai 156 orang pelanggan yang terdiri penjawat awam dan orang awam telah hadir. Berdasarkan jumlah kehadiran tersebut Terdapat peningkatan sebanyak 90% dari segi kehadiran pelanggan yang berurusan berbanding tahun lepas.

Hari Integriti SPANS 2019

15 November 2019



Anugerah Pegawai Integriti SPANS 2019



Ceramah Integriti yang berjudul Memperkasakan Integriti Perkhidmatan Awam di Era Digital oleh Penolong Penguasa Kanan, Tuan Abg Mohd Nizam bin Abg Yusoff daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Sarawak.

15 November 2019



Pada tahun ini juga, SPANS buat pertama kalinya telah menyampaikan Anugerah Pegawai Integriti SPANS 2019 yang telah dianugerahkan kepada Encik Ali bin Mohamad dan Puan Simbah ak Libu.

Lawatan oleh Pelajar Diploma Pentadbiran Awam, UITM Samarahan

6 November 2019



Jawatankuasa Pemantauan DOP 2004

18 November 2019



6 Disember 2019

Majlis Penghargaan SPANS 2019 – Hotel Hilton, Kuching



Majlis Apresiasi bersama Rakan Strategik SPANS 2019 – Hotel Waterfront, Kuching.

13 Disember 2019



Mesyuarat *General Management Advisory Committee* **(GMAC)**



Objektif Mesyuarat GMAC:-

- i) Untuk menasihati dan memantau prestasi Urus setia dalam urusan pentadbiran SPANS;
- ii) Untuk meluaskan perspektif dan memberi peluang kepada Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia untuk belajar sesuatu yang baharu dari luar ruang lingkup Pejabat;
- iii) Menambahbaik dan mengemaskini proses, prosedur dan polisi SPANS agar memenuhi akan kehendak semasa pelanggan.

Bagi tahun 2019 mesyuarat ini telah dilaksanakan di Cameron Highland, Johor dan Kuantan, Pahang.



Mesyuarat MBJ Bil. 4/2019 & Lawatan ke LADA, Langkawi

18 – 20 Disember 2019



Pembudayaan ilmu melalui Bengkel/Kursus/Taklimat

Bengkel Penulisan Minit Mesyuarat yang turut dihadiri oleh Pengurus SPANS yang dikendalikan oleh Encik Zasran bin Abdullah daripada Dewan Bahasa Dan Pustaka Negeri Sarawak pada 16 Julai 2019.



Kursus “Customer Excellence Service” yang dikendalikan oleh Puan Azura Jamaludin dari TNA Global

Taklimat “Culture Rating” oleh Encik Jerome Benedict ak Raweng daripada Unit Sumber Manusia Negeri Sarawak.

Majlis Penghargaan Staf yang berpindah tempat bertugas



Majlis Penghargaan untuk Encik Easkandar Nazim bin Mohd Eastern yang telah berpindah tempat bertugas ke Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri pada 1 Ogos 2019.



Majlis Penghargaan untuk Encik Matelan Bin Saleman yang telah mendapat tawaran ke jawatan Pembantu Tabir (Perkeranian/operasi) gred N19 di Majlis Perbandaran Padawan mulai Oktober 2019.

Persaraan Warga Kerja **SPANS 2019**



Puan Hadzlina binti Drahim
- 31 Januari 2019



Puan Hajah Norliza Binti Haji Pitani
- 27 Mei 2019

sidang redaksi 2019



Penaung Datu Abdul Ghafur bin Shariff

Penasihat Fathi bin Haji Hambali

Ketua Sidang Redaksi Mohamad Azlan Bin Haji Madihi

Ahli-Ahli Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman

Khairul Ridza bin Haji Wahed

Catherina anak Jackson Blanda

Rafi'uddin bin Rasman

Dayang Maskamala binti Abang Saibi

Amrul bin Haji Yusup

Dayang Normasni binti Abang Julaihi

Muhammad Akmal bin Ismani



sekalung penghargaan

Suruhanjaya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2019. Ucapan penghargaan juga kepada semua Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia SPANS yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan 2019 ini.

